

Tanah kubur lama dinaik taraf

GOMBAK - Sebanyak RM141,000 diperuntukkan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak untuk kerja naik taraf Tanah Perkuburan Islam Gombak Utara, di sini.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim berkata, kerja naik taraf di tanah perkuburan berkeluasan 0.564 hektar itu telah dimulakan 1 Februari lalu dan dijangka selesai 15 Mac ini.

Beliau berkata, peruntukan itu diluluskan di bawah caruman Akaun Amanah Tanah Perkuburan.

“Kerja melibatkan pembinaan tembok dan pembinaan longkang sepanjang 50 meter selain kerja-kerja naik taraf keseluruhan perkuburan lama itu.

“Naik taraf itu dibuat bagi menyelesaikan masalah takungan air, sementara pembinaan tembok konkrit

pula sebagai menghalang atau mengelak binatang masuk ke tanah perkuburan tersebut,” katanya.

Menurutnya, setakat ini sebanyak enam tanah perkuburan disenaraikan dalam projek peruntukan di bawah caruman tersebut tahun ini.

“Projek akan dijalankan secara berperingkat dan lokasi yang disenaraikan adalah Rawang, Hulu Kelang, Setapak dan Batu dengan peruntukan sejumlah RM777,000.

“Tahun lepas sejumlah RM948,000 dibelanjakan melibatkan 11 lokasi dalam kawasan Gombak,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya telah mengarahkan penghulu mukim untuk mengenal pasti tanah perkuburan yang memerlukan naik taraf untuk disenaraikan di bawah peruntukan tersebut.

“Dalam perkembang-



AMIRUL

an sama, tanah perkuburan di Ukay Perdana seluas 50 ekar menjadi tumpuan bagi penyelenggaraan yang baik menumpukan infra dan kemudahan serta papan tanda.

“Persiapan awal ini membolehkan penyelenggaraan lebih tersusun bagi memudahkan pengurusan oleh jawatankuasa dilantik,” katanya.



Tanah Perkuburan Islam Gombak Utara yang sebelum ini sering ditenggelami air dari saliran rumah penduduk kini dalam proses dinaik taraf.